

NO. SOALAN : 37

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED [JELI]

TARIKH : 21 NOVEMBER 2019 (KHAMIS)

SOALAN

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilangan graduan dalam bidang TVET dalam tahun 2018 dan 2019 mengikut bidang dan peratus kejayaan mendapat pekerjaan mengikut sektor dan gaji purata graduan tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan Sistem Kajian Pengesanan Graduan (SKPG), terdapat 21 bidang sektor ekonomi yang telah dikelaskan mengikut pekerjaan graduan TVET. Bilangan graduan TVET di politeknik dan kolej komuniti adalah masing-masing 32,274 dan 11,150 orang pada tahun 2018. Namun begitu, hanya 67 peratus graduan politeknik dan 70 peratus graduan kolej komuniti yang memberi respon SKPG.

Daripada laporan statistik SKPG, dapat dirumuskan bahawa seramai 13,136 (61 peratus) graduan daripada politeknik ditawarkan gaji permulaan antara RM1,001.00 hingga RM2,000.00 dalam pelbagai sektor ekonomi tersebut. Manakala, graduan kolej komuniti pula seramai 6,291 (81 peratus) telah ditawarkan gaji permulaan RM1,500.00 dan ke bawah.

Manakala bagi program Diploma Vokasional Malaysia (DVM) yang dilaksanakan di kolej vokasional, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah berjaya melahirkan graduan pertamanya bermula tahun 2016. Sehingga kini, lepasan kolej vokasional mendapat sambutan yang baik oleh industri. Berdasarkan tinjauan yang dilakukan oleh KPM kebolehpasaran graduan kolej vokasional tahun 2016 adalah 100 peratus. Manakala bagi tahun 2017 pula 96.70 peratus dan tahun 2018 adalah 87.05 peratus dan gaji permulaan yang ditawarkan antara RM1800 hingga RM2000.

Sekian, terima kasih.